

PEMBERITAHUAN

UJIAN KOD MORSE SIRI PERTAMA TAHUN 2012

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Ujian Kod Morse (CW) siri pertama bagi tahun 2012 bagi memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknikal) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut:

No. Siri Ujian	Tarikh dan Masa Ujian	Tarikh Tutup Permohonan	Pusat Peperiksaan
CW 2012-1	28 Mac 2012 Jam 10:00 pagi	24 Februari 2012 Jam 5:00 petang	Wilayah Tengah (Cyberjaya) dan Wilayah Sabah (Kota Kinabalu)

Kelayakan bagi menduduki ujian tersebut adalah seperti berikut:

- Berumur 18 tahun dan ke atas pada hari ujian dilangsungkan; dan
- Memiliki Pengtuntukan Radas Stesen Amatir Kelas B (9W) yang sah untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun pada tarikh ujian dilangsungkan.

Individu yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Permohonan boleh dibuat samada melalui perkhidmatan atas talian (online) atau secara manual dengan menggunakan borang permohonan bercetak. Permohonan secara atas talian boleh dibuat di laman sesawang rasmi SKMM di www.skmm.gov.my atau terus ke URL <http://sems.skmm.gov.my>. Borang bagi permohonan secara manual boleh diperolehi dari laman sesawang rasmi SKMM atau mana-mana pejabat SKMM.

Untuk permohonan secara manual, borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta bayarannya, satu salinan dokumen pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Pasport) dan satu salinan Pengtuntukan Radas Stesen Amatir hendaklah dihantar ke:

Bahagian Pembangunan Prasarana dan Piawai
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Jalan IMPACT, Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Sila tuliskan perkataan "**CW 2012-1**" di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran ujian adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) dan perlu dijelaskan melalui **Wang Pos atau Deraf Bank** yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan atas nama "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" dan mestilah dikepikan bersama borang permohonan. Permohonan yang disertakan dengan lain-lain kaedah pembayaran akan ditolak.

Jumlah pengambilan calon adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman sesawang rasmi SKMM dan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari ujian dilangsungkan. Sila hubungi Cik Ida Khairuniah (03-8688 8265) untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.



NOTICE

FIRST SERIES OF THE MORSE CODE TEST YEAR 2012

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (SKMM) will be holding the first series of the Morse Code Test for the year 2012, pursuant to Regulation 26(2) of the Communications and Multimedia (Technical Standards) Regulations 2000, at the date and time as follows:

Test Series No.	Date and Time of Test	Closing Date of Application	Examination Centre
CW 2012-1	28 March 2012 10:00 a.m.	24 February 2012 5:00 p.m.	Central Region (Cyberjaya) and Sabah Region (Kota Kinabalu)

The requirements to sit for the test are as follows:

1. 18 years and above of age on the test date; and
2. Possess a valid Class B (9W) Amateur Station Apparatus Assignment for at least one year at the test date.

Interested and qualified individuals are invited to sit for the test. The application can be made via online service or manually by using the printed application form. The online application can be made at SKMM's official website at www.skmm.gov.my or directly to URL <http://sems.skmm.gov.my>. The application form for manual applications can be obtained from SKMM's official website or any SKMM office.

For manual applications, duly completed application forms together with the payment, a copy of the applicant's identification document (Identity Card, "Kad Kuasa" or Passport) and a copy of the Amateur Station Apparatus Assignment should be sent to:

Infrastructure Development and Standards Division
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Jalan IMPACT, Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Please state the word "**CW 2012-1**" at the top left-hand corner of the envelope. The test fee is Ringgit Malaysia Fifty (RM50.00) and must be paid in either **Postal Order or Bank Draft** issued by local banks and made in favour of "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" and must be attached with the application form. Applications that are received through other modes of payment will be rejected.

The number of candidates are limited and priority will be given to early applications received. The application result will be notified via SKMM's official website and by post not later than 7 days before the test day. Please contact Cik Ida Khairuniah (03-8688 8265) for any related enquiries.

www.skmm.gov.my